

diwajibkan Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā*, dan hendaklah segala keputusan dan keadilan yang dilakukannya itu untuk kehormatan Islam. Hendaklah qadi itu sedar serta berhati-hati bahawa kewajipannya tidak boleh sekali-kali dengan satu-satunya sebab membolehkannya menggunakan tenaganya atau menyimpang dari mentaati dan mematuhi perintah mutlak Tuhan yang mewajibkannya melakukan keadilan, dan yang sentiasa menyeru dan membisikkan dari atanya<sup>3</sup> kepalanya:

*“Inna Allāha ya’murukum an tu’addu al-amānātī ilā ahlihā, wa idhā hakamtum bayna al-nāsi an taḥkumū bi al-‘adli”*  
(Surah al-Nisa’ 58)

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah sentiasa memerintahkan kamu menyempurnakan amanah-amanah itu kepada yang empunya sekiranya kamu menghukumkan di antara manusia hendaklah kamu menghukumnya dengan seadil-adilnya”.

Adalah menjadi tugas dan kewajipannya memagari dan menutupi dengan serapat-rapatnya pintu hatinya daripada diresapi dan ditembusi oleh hawa nafsu, dan hendaklah ia menyedari dengan sepenuhnya bahawa hawa nafsu itu boleh menimbulkan dan membauhkan fikiran dan pandangan yang sempit dan terlalu fanatic, yang menyebabkan tidak adanya pertimbangan yang benar menurut lunas-lunas keadilan yang sejati. Sesungguhnya junjungan kita telah bersabda:

*“Qādi fī al-jannah wa qādīyāni fī al-nār”*

Yang ertiya: ‘Seorang qadi dalam syurga, dua orang qadi dalam neraka’.

Qadi (hakim) yang mewarisi syurga itu ialah qadi yang banyak ilmu pengetahuan, adil dan tidak terlalu fanatic. Ada pun qadi yang mewarisi neraka itu ialah qadi yang tidak ada ilmu pengetahuan, tidak berlaku adil, jahil dalam melihat kebenaran dan terlalu

fanatik atau mengenali kebenaran tetapi sengaja berlaku zalim dalam menjalankan hukuman.

Setiap orang yang mempunyai kekuasaan dalam pemerintahan adalah menjadi kewajipan dan kemestian berlaku adil dan jujur dalam semua lapangan dan jurusan pekerjaannya, sama ada pekerjaan itu besar yang menarik perhatian, atau pun kecil yang tidak mendapat perhatian umum. Ingatlah walau bagaimana kecil sekalipun pekerjaan itu pada pandangan manusia adalah besar ertiya dan nilainya di sisi Tuhan, dan dari nilai zat pekerjaan itu sendiri, jika dilakukan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan, serta menyedari itu adalah suatu khidmat dan sumbangan terhadap bangsa, sedikit atau banyaknya perkhidmatan atau sumbangan tidaklah dapat dijadikan satu ukuran baik atau tidaknya pekerjaan itu, atau telah benar-benar mendapat penghargaan dari Tuhan, kerana beberapa banyak orang yang telah melakukan pekerjaan-pekerjaan yang besar dan mengagumkan itu tidak sedikit mendapat tempat di sisi Tuhan dan manusia, sekiranya mereka menyangka dan memahamkan bahawa pelantikan itu semata-mata untuk menekan dan untuk memerintah sahaja, bukan untuk bekerja dan memberi perkhidmatan yang baik dan jujur kepada bangsanya. Hanya Tuhan sahaja yang mengetahui dalam ketentuan tiap-tiap suatu.

#### Pembetulan dalam Makalah yang Lalu

Pada baris 16 muka 17 Majalah Qalam keluaran November yang lalu berbunyi:

*“Mathalu al-munāfiqi ka mathali shāti hā’irati ghamayni lā tadrī ilā ayyahā tadhhabu”* adalah salah.

Yang betulnya demikian: *Mathalu al-munāfiqi ka mathali shāti hā’irati bayna ghanamayni lā tadrī ilā ayyahā tadhhabu*

<sup>3</sup> Perkataan sebenarnya ialah atas